

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [PASIR MAS]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan kejadian jenayah seperti penderaan kanak-kanak yang berlaku  
di taska-taska dan pusat-pusat jagaan kanak-kanak di negara ini dan  
menyatakan tindakan-tindakan yang dibuat dalam menanganinya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kejadian jenayah seperti penderaan kanak-kanak yang berlaku di TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di negara ini dan akan memastikan bahawa langkah-langkah untuk menangani jenayah ini dilaksanakan agar kejadian jenayah seperti penderaan kanak-kanak tidak berlaku di TASKA atau Pusat Jagaan Kanak-Kanak.

Tuan Yang Di Pertua,

Penderaan kanak-kanak sama ada di TASKA, Pusat Jagaan, rumah, tempat awam dan sebagainya kini banyak mendapat perhatian ramai terutamanya di media sosial. Kes-kes yang dilaporkan dan yang dikenalpasti sekarang adalah merupakan satu fenomena yang menggambarkan kesedaran umum, pengiktirafan professional yang lebih baik dan keengganan masyarakat

bertoleransi dengan penderaan yang dilakukan terhadap kanak-kanak.

Peningkatan aduan yang diterima adalah kerana:

- i. Keperihatinan masyarakat untuk melaporkan isu penganiayaan/ pengabaian/ penderaan;
- ii. Kanak-kanak sendiri selesa menghubungi Talian Kasih dan *Child Line* bagi tujuan untuk meminta bantuan; dan
- iii. Kempen berbentuk pameran, siri jelajah di pusat-pusat membeli belah, promosi di rangkaian sosial, pusat komuniti, laman web dan di tempat-tempat yang diakses kepada kanak-kanak telah memberi kesedaran kepada masyarakat perihal pentingnya melindungi dan menjaga keselamatan kanak-kanak.

Antara tindakan-tindakan yang dibuat dalam menanganinya isu tersebut adalah:

- i. Penguatkuasaan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 dan Peraturan-Peraturan (Pengkompunan Kesalahan) 2011 bagi

- memastikan TASKA yang beroperasi mematuhi syarat dan keperluan yang ditetapkan.
- ii. Kementerian menggunakan pendekatan berhemah dalam menangani TASKA yang melanggar Akta dan Peraturan yang berkaitan. Surat peringatan dikeluarkan kepada TASKA yang berkenaan untuk mematuhi syarat yang ditetapkan. Selain itu, pihak pengurusan TASKA akan diberi khidmat bimbingan dan nasihat untuk membantu mereka mematuhi syarat dan keperluan di bawah Akta serta Peraturan TASKA.
  - iii. Jika TASKA berkenaan masih tidak mematuhi syarat yang ditetapkan, maka tindakan kompaun tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap kesalahan boleh dikenakan ke atas TASKA berkenaan atau TASKA tersebut boleh dilak. Bagi TASKA yang berdaftar, TASKA itu boleh ditutup atau perakuan pendaftarannya dibatalkan.
  - iv. Sekiranya pengusaha TASKA masih gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan setelah diberi bimbingan dan nasihat,

tindakan pendakwaan boleh diambil. Jika sabit kesalahan, pengusaha TASKA boleh:

- (a) Didenda tidak lebih RM10,000.00 atau di penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali; dan
  - (b) Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak lebih RM20,000.00 atau di penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.
- v. Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 juga telah dikuatkuasa pada 1 Januari 2017. Akta ini telah dibuat pindaan dan penambahbaikan berkaitan aspek pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan berkaitan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan. Antara pindaan yang dimasukkan adalah meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah Seksyen 31(1) AKK. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 10 tahun kepada 20 tahun, denda dinaikkan daripada

RM20,000 kepada RM50,000 atau kedua-duanya serta menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori.